

Terengganu kuasai acara 4x100m

TERENGGANU berjaya mendominasi dua pingat emas dalam acara 4x100 meter (m) lelaki dan wanita pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) 2012 di Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis semalam.

Lebih manis, kuartet 4x100m wanita Terengganu terus cemerlang apabila memperbaharui rekod temasya dengan catatan masa 46.45 saat.

Gandingan Azreen Nabila Alias, Siti Nur Afiqah Abdul Razak, Nur Farahana Musa dan Nur Shahira Mu-liadi itu meleburkan rekod sendiri, 47.31s yang dilakarkan pada aksi se-paruh akhir kelmarin.

Kapten 4x100 wanita Terengganu, Farahana gembira dengan kejayaan itu, sekali gus dapat mempertahankan pingat emas acara tersebut yang di-menangi pada Sukma 2012 di Pahang meskipun persediaan untuk mengha-dapi temasya kali ini hanya dijalankan selama seminggu.

"Ini adalah pasukan baru, pasukan lama (Sukma 2012) tinggal saya se-orang sahaja. Memang sangat gem-

bira apabila dapat mencipta rekod sebanyak dua kali pada temasya ini.

"Kami dapat berlatih seminggu sa-haja kerana masing-masing tinggal jauh dan masih belajar. Saya gembira dengan bantuan semua, kami dapat meraih pingat emas," katanya kepada pemberita semalam.

Pingat perak berjaya menjadi milik kuartet Pulau Pinang dengan catatan masa 47.46s dan kuartet Perak se-kadar meraih gangsa dengan rekod, 47.63s.

Kejayaan skuad wanita Terengganu itu turut diiringi kuartet lelaki menerusi gandingan Muhd Ajmal Aiman Mat Hasan, Arif Syahiran Zulkifli, Mohd. Fairol Nazim Mohd. Noor dan Harith Ammar Mohd. Sobri biarpun mendapat tentangan sengit pada penghujung perlumbaan.

Bagaimanapun, kilauan emas kekal menjadi milik Terengganu yang me-rekodkan masa 41.20s menewaskan Sabah (41.24s) dan Melaka (41.37s) yang mana masing-masing sekadar meraih pingat perak dan gangsa.

